

BAB 6 Telekomunikasi di Malaysia

Panduan RPH							
Standard Kandungan (SK)		Standard Pembelajaran (SP)			Soalan dan Tahap Penguasaan (TP)		Halaman
3.2 Telekomunikasi di Malaysia	3.2.1 Mengenal pasti alat telekomunikasi di Malaysia	Buku Teks m.s 92		Soalan 1 Soalan 2	TP1 TP6	58	
BBM		PAK-21		KBAT			
Buku teks, foto alat telekomunikasi		Roam the Room		Menganalisis			
EMK		i-THINK		Nilai Murni			
TMK, kreativiti dan inovasi, kelestarian global		Peta buih		Bertanggungjawab, berterima kasih			

Cadangan PdPc

1. Guru menerangkan kepada murid tentang maksud telekomunikasi.
2. Guru menunjukkan foto-foto alat telekomunikasi yang terdapat di Malaysia.
3. Murid menjawab soalan 1 dalam buku Power Up Geografi halaman 58.
4. Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan.
5. Setiap kumpulan membincangkan satu alat telekomunikasi yang dapat mempertingkatkan pembangunan negara pada masa depan.
6. Kemudian, setiap kumpulan menyediakan satu risalah yang mengandungi lakaran, maklumat dan kepentingan alat telekomunikasi tersebut.
7. Dengan isyarat guru, murid secara individu bergerak melihat hasil kerja kumpulan lain.
8. Guru memberikan isyarat kedua. Semua murid balik ke tempat asal.
9. Murid membuat perkongsian dalam kumpulan berkaitan apa yang telah dipelajarinya daripada kumpulan lain.
10. Murid menilai hasil kerja setiap kumpulan pada akhir pengajaran.

Panduan RPH		Standard Pembelajaran (SP)	Soalan dan Tahap Penguasaan (TP)		Halaman
Standard Kandungan (SK)					
3.2 Telekomunikasi di Malaysia	3.2.2 Menerangkan kemajuan alat telekomunikasi di Malaysia	Buku Teks m.s 93-95	Soalan 3 Soalan 4 Soalan 5	TP2 TP2	59
BBM		PAK-21	KBAT		
Buku teks, foto alat telekomunikasi		Gallery Tour	Menganalisis		
EMK		i-THINK	Nilai Murni		
TMK, kelestarian global		Peta alir	Bertanggungjawab, kesederhanaan		

Cadangan PdPc

1. Guru berbincang dengan murid tentang perkembangan alat telekomunikasi di Malaysia.
2. Murid menjawab soalan 3, soalan 4 dan soalan 5 dalam buku Power Up Geografi halaman 59.
3. Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan.
4. Setiap kumpulan menyediakan peta alir tentang kemajuan alat telekomunikasi di Malaysia.
5. Hasil setiap kumpulan ditampal di atas meja untuk kumpulan lain melihat dan membacanya.
6. Kumpulan asal meletakkan pensel dan kertas di atas meja supaya kumpulan yang datang melawat boleh memberikan komen atau pengukuhan berkaitan hasil kerja mereka.
7. Dengan isyarat guru, ahli kumpulan berpecah sementara waktu untuk melihat hasil kerja kumpulan lain.
8. Setelah kembali kepada kumpulan asal, ahli kumpulan menceritakan pembelajaran dan pengalaman yang diperoleh.

Panduan RPH		Standard Pembelajaran (SP)	Soalan dan Tahap Penguasaan (TP)	Halaman
Standard Kandungan (SK)				
3.2 Telekomunikasi di Malaysia	3.2.3 Membahaskan kepentingan telekomunikasi di Malaysia	Buku Teks m.s 96	Soalan 6 Soalan 7	TP3 TP3 60
BBM		PAK-21	KBAT	
Buku teks, foto alat telekomunikasi		Rotating Review	Menganalisis	
EMK		i-THINK	Nilai Murni	
Kelestarian glob		Peta buih	Bertanggungjawab, berterima kasih, kesederhanaan	
Cadangan PdPc				
1. Guru menerangkan kepada murid tentang kepentingan alat telekomunikasi dalam kehidupan seharian dan pembangunan negara. 2. Murid menjawab soalan 6 dan soalan 7 dalam buku Power Up Geografi halaman 60. 3. Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan. 4. Setiap kumpulan mencatatkan kepentingan alat telekomunikasi di Malaysia di atas kertas sebak dan paparkannya di tempat kumpulan masing-masing. 5. Setiap kumpulan bergerak dari satu kumpulan ke satu kumpulan untuk membuat penilaian hasil kerja setiap kumpulan. 6. Setiap kumpulan boleh membuat komen, idea tambahan atau persoalan pada kertas berkenaan menggunakan pen yang berbeza. 7. Pada akhir pembelajaran, guru menilai hasil kerja setiap kumpulan.				
Panduan RPH		Standard Pembelajaran (SP)	Soalan dan Tahap Penguasaan (TP)	Halaman
Standard Kandungan (SK)				
3.2 Telekomunikasi di Malaysia	3.2.4 Menilai kesan telekomunikasi terhadap pembangunan negara di Malaysia	Buku Teks m.s 97-98	Soalan 8 Soalan 9	TP4 61
BBM		PAK-21	KBAT	
Buku teks, bola pingpong		Circle Time	Menilai, mencipta	
EMK		i-THINK	Nilai Murni	
Kelestarian global		Peta buih	Bertanggungjawab, hemah tinggi	
Cadangan PdPc				
1. Guru memberi penerangan kepada murid tentang kesan positif telekomunikasi di Malaysia. 2. Guru menjelaskan melalui contoh kesan positif telekomunikasi terhadap pembangunan negara. 3. Guru menerangkan kepada murid kesan negatif perkembangan telekomunikasi kepada murid dan negara. 4. Murid menjawab soalan 8 dan soalan 9 dalam buku Power Up Geografi halaman 61. 5. Murid duduk di dalam kumpulan secara bulatan. 6. Guru menyediakan bola pingpong. 7. Untuk pusingan pertama, sesiapa yang memegang bola diminta menjelaskan satu kesan positif telekomunikasi. 8. Kemudian, murid tersebut memberi bola tersebut kepada murid lain untuk memberi peluang kepada mereka bercakap. 9. Untuk pusingan kedua, murid menjelaskan kesan negatif telekomunikasi terhadap negara. 10. Untuk pusingan ketiga, murid mencadangkan langkah-langkah untuk mengurangkan kesan negatif perkembangan telekomunikasi.				
Panduan RPH		Standard Pembelajaran (SP)	Soalan dan Tahap Penguasaan (TP)	Halaman
Standard Kandungan (SK)				
3.2 Telekomunikasi di Malaysia	3.2.5 Menentukan penggunaan alat telekomunikasi secara beretika	Buku Teks m.s 99	Soalan 10	TP5 62
BBM		PAK-21	KBAT	
Buku teks		Share N Turn	Menganalisis, mengapikasi	
EMK		i-THINK	Nilai Murni	
Kelestarian global		–	Bertanggungjawab, kesederhanaan, hemah tinggi	
Cadangan PdPc				
1. Guru berbincang dengan murid tentang penggunaan alat telekomunikasi secara beretika. 2. Murid menjawab soalan 10 dalam buku Power Up Geografi halaman 62. 3. Murid dibahagikan kepada empat orang dalam satu kumpulan. 4. Setiap murid menulis satu cara penggunaan alat telekomunikasi secara beretika di atas sehelai kertas. 5. Kertas ditukarkan secara bergilir-gilir antara ahli kumpulan: – A ke B – B ke C – C ke D – D ke A 6. Setiap murid akan mendapat semula kertas masing-masing yang mengandungi 4 isi atau idea.				